

07 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Yasin)

SAYA BACA YASIN UNTUK TENANGKAN JIWA, KATA AZIZAN

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar, yang bersumpah menjadi "hamba seks" Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau membaca surah Yasin untuk menenangkan jiwanya semasa keadaan "huru hara" sebelum beliau ditangkap polis.

Katanya beliau terus membaca ayat-ayat suci Al Quran itu semasa berada di rumah Dr Ristina Majid di Bukit Bandaraya, Bangsar, pada petang 17 Ogos 1997 setelah diberikan oleh tuan rumah itu.

"Saya meminta surah Yasin itu daripada Dr Ristina semasa hendak mengerjakan sembahyang Maghrib dan saya membawanya bersama saya semasa ditangkap polis kerana ingin terus membacanya," katanya pada perbicaraan bekas timbalan perdana menteri itu, di Mahkamah Tinggi di sini.

Anwar 51, juga bekas menteri kewangan, menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbicaraan yang dijalankan di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul, kini masuk hari ke-21.

Azizan, saksi ke-12 pendakwaan, yang bekerja sebagai eksekutif pemasaran dan pentadbiran sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka, masih di peringkat soal balas peguam Anwar.

Sebelum ini, mahkamah diberitahu bahawa Azizan menandatangani pengakuan bersumpah yang mengaku dirinya menjadi hamba homoseksual Anwar dan perbuatan terkutuk itu dilakukan untuk beberapa kali sekitar tahun 1992.

Pengakuan bersumpahnya disertakan bersama surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali, bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Ummi Hafilda Ali merupakan adik kepada Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar.

Semasa menjawab soalan peguam Haji Sulaiman Abdullah, Azizan berkata beliau terus membaca surah Yasin itu, yang mengandungi terjemahan dan penjelasan panjang lebar, sebelum disoal siasat oleh Cawangan Khas di Bukit Aman.

Azizan, 38, bekas pemandu isteri Anwar Datin Seri Wan Azizah Ismail, juga bersetuju dengan saranan Sulaiman bahawa terjemahan dan penjelasan ayat itu lebih panjang daripada surah Yasin itu sendiri.

Sulaiman kemudian bertanya sama ada beliau perlu berwuduk untuk memegang surah itu tetapi soalan itu dibantah oleh Timbalan Kanan Pendakwa Yusof Zainal Abiden kerana ia tiada kaitan.

Sulaiman menjelaskan bahawa soalan itu perlu kerana Azizan telah memberitahu mahkamah bahawa beliau bersumpah mengenai dakwaan dirinya diliwat Anwar dengan surah Yasin itu.

Hakim Paul membenarkan soalan itu.

Azizan menjawab beliau tidak setuju dengan saranan peguam itu bahawa bahawa seseorang tidak perlu berwuduk apabila memegang surah Yasin, yang penjelasan dan terjemahannya adalah lebih panjang daripada ayat Quran itu.

Pada peringkat ini Anwar menoleh kepada keluarganya dan tersenyum.

Sulaiman kemudian menyoal sama ada Azizan mengetahui bahawa menurut Islam, jika ayat Al-Quran dicampur dengan terjemahan dan penjelasan, ia

tidak dianggap sebagai Al Quran.

Hakim Paul kemudian bertanya kaitan soalan itu dengan kes ini dan Sulaiman menjelaskan bahawa ia berkaitan dengan sumpah Azizan menggunakan surah Yasin dan kepercayaan pegawai polis terhadap perkara itu.

Bagaimanapun, Paul berkata Sulaiman sepatutnya mengemukakan soalan itu kepada pegawai polis berkenaan.

Sebelum ini, mahkamah diberitahu bahawa Azizan bersumpah dengan memegang surah Yasin di hadapan ACP Mazlan Mohd Din sehingga, pada mulanya, pegawai itu mempercayai dakwaannya kerana surah itu adalah sebahagian daripada Al-Quran.

Paul berkata beliau tidak akan membuat sebarang keputusan mengenai sesuatu hanya kerana seseorang saksi itu bersumpah dengan menggunakan kitab-kitab agama sebaliknya berdasarkan bukti kukuh.

Sebelum itu, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail membantah soalan Sulaiman itu kerana perbicaraan berkenaan dijalankan di mahkamah sivil.

Tetapi, Sulaiman menjawab bahawa beliau ingin membuktikan sama ada apa yang dilakukan berkaitan sumpah itu dilakukan dengan betul.

Paul kemudian meminta Sulaiman bertanya kepada Azizan sama ada beliau membawa surah Yasin itu ke mahkamah.

Azizan berkata: " Ada Yang Arif. Dalam bilik saksi".

Setelah mahkamah menyambung semula persidangan selepas ditangguhkan selama enam minit bagi membolehkan Sulaiman berbincang dengan peguam lain berkaitan isu itu, Paul berkata beliau tidak terikat dengan sumpah saksi dengan mana-mana kitab keagamaan.

"Ia mungkin diterima dalam `mahkamah Tuhan' tetapi kita kini berada dalam mahkamah sivil. Saya tidak terikat dengannya," kata Paul.

Mendengarkan kenyataan hakim itu, Sulaiman menjawab bahawa beliau tidak akan meneruskan isu itu.

Paul: Biarlah Tuhan berdoa untuk kita.

Sulaiman: Tuhan tidak perlu berdoa, kita yang perlu berdoa kepadaNya. Kita perlu berdoa kepadaNya untuk mendapatkan keadilan.

Paul: Kita tidak boleh banyak `menggangu' Tuhan.

Sulaiman kemudian menyerahkan sesi soal balas itu kepada peguam Gurbachan Singh.

-- BERNAMA

NHD NAK